



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR


Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Sukar Parkir' yang disiarkan melalui segmen Metro Plus, Harian Metro pada 29 Januari 2010.

Siasatan kami mendapati bahawa kawasan yang dilaporkan adalah kawasan hijau dan bukannya kawasan yang dikhaskan untuk meletak kenderaan. Masalah kekurangan tempat letak kereta (TLK) di kawasan ini boleh diatasi sekiranya orang ramai menggunakan kemudahan Park and Ride (P&R) di Presint 1 yang mempunyai sebanyak 1,000 TLK yang terletak berhampiran dengan Kompleks E.

Walau bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa kawasan yang dilaporkan ini sedang dirancang untuk dijadikan kawasan TLK. Bagi tujuan tersebut, sejumlah 133 petak TLK akan dibina di samping membuat penambahan satu lagi lorong keluar besebelahan Alamanda Putrajaya. Ini adalah bagi meningkatkan lagi kelancaran lalulintas di kawasan tersebut. Pembinaan TLK ini dijangka bermula pada pertengahan tahun 2010 dan siap sebelum akhir tahun 2010.

Pada masa yang sama, PPj juga sedang menyediakan sejumlah 560 petak TLK bersebelahan Kompleks E dan bersebelahan Lebuhraya Perdana Timur, yang dijangka boleh digunakan sebelum akhir tahun 2010.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



**( ZAHARAH SALAMAT )**

**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 08 Februari 2010

Akhbar : Harian Metro  
Segmen : Metro Plus  
M/s : 7  
Tarikh : 29 Januari 2010

# Sukar parkir

Lubang sedalam setengah meter rosakkan kenderaan

>>Oleh Siti Anum Che  
Ab Wahab

am@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Kawasan tempat letak kenderaan di belakang bangunan pejabat kerajaan di Kompleks E, di sini bukan saja becak apabila hujan lebat tetapi kewujudan lubang sedalam setengah meter di situ turut membahayakan pemilik kenderaan yang menggunakannya.

Malah, keadaan semakin berbahaya apabila lubang itu dipenuhi air menyebabkan kenderaan yang terjerumus dalam lubang mengalami kerosakan.

Keadaan itu bukan saja menimbulkan rasa kurang selesa warga kerja Putrajaya, di sini tetapi mereka yang berstatus pelawat yang berurusan dengan agensi kerajaan sehingga ada yang mengeluh kerana kenderaan mereka rosak.

Tinjauan Metroplus di situ, mendapati jumlah kenderaan terlalu padat sehingga ada terpaksa diletakkan di tepi jalan sehingga menghalang laluan



**SESAK...**kekurangan tempat letak kereta di bangunan kerajaan Kompleks E, Putrajaya.

kenderaan lain.

Masalah tempat letak kereta di sekitar kawasan tumpuan orang ramai itu semakin kritikal apabila larangan meletak kenderaan di tepi jalan dikuatkuasakan.

Tidak cukup dengan itu, ada kereta terpaksa diletakkan di bahu jalan kerana tidak sanggup menanti dalam kenderaan sementara menunggu pemilik kenderaan lain mengosongkan petak yang disediakan.

Kontraktor, Azmi Ismail, 43, mengakui terlalu sukar

untuk mencari tempat letak kenderaan pelawat di kawasan yang dikunjunginya.

Menurutnya, dia tidak menyangka masalah kesesakan di tempat letak kenderaan juga berlaku di kawasan yang menjadi mercu tanda agensi kerajaan pusat ini.

"Memang kawasan ini cantik dan menarik tetapi masalah tempat letak kenderaan yang tidak selesa dan sedikit ini perlu ditangani segera bagi memudahkan urusan pelawat dengan agensi dan jabatan kerajaan di sini," katanya.